

selangorkini EDISI KHAS **BELANJAWAN SELANGOR 2024**

PP 19570/07/2020 (035196) | PERCUMA

Imbas di sini



akhbar digital



Selangor Mandiri: Memacu Kemajuan, Memicu Perpaduan



**Bantuan
kewangan
dua bulan
setengah gaji**

2



**Lembah
Klang Raya
libat empat
kota besar**

3



**Projek
tren ke
Sabak
Bernam**

6

Bantuan khas dua bulan setengah gaji

PENJAWAT awam Selangor menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) dua bulan setengah gaji tahun ini bagi menghargai mereka.

Jumlah tersebut termasuk satu bulan yang dibayar pada 28 Disember dan setengah bulan yang dibayar pada Februari 2024, bagi meringankan beban untuk persiapan sesi persekolahan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan itu juga termasuk sebulan gaji yang selesai dibayar menjelang sambutan Aidilfitri tahun ini.

"Sebagai sebuah bentuk apresiasi dan penghargaan kepada penjawat awam dan mereka yang terlibat bagi menayakan kutipan hasil Kerajaan Negeri, saya mengumumkan BKK 2023 kepada semua yang berkhidmat bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

"(Ini) termasuk anggota perkhidmatan Kerajaan Negeri yang gaji dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, bantuan sebanyak dua bulan setengah," katanya.

Amirudin menambah pemberian BKK sekurang-kurangnya RM1,000 dilaksanakan berdasarkan pekeliling yang akan dikeluarkan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.

Lunas hutang tahun depan

KERAJAAN Selangor dijangka melunaskan sepenuhnya hutang dengan Kerajaan Persekutuan pada 2024 berdasarkan kebebasan kewangan cemerlang yang dimiliki.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata hutang RM19.20 juta terdiri daripada pinjaman Projek Bekalan Air dan Skim Amanah Saham Selangor (ASAS).

Katanya, penyelesaian liabiliti hutang negeri pada 2024 rendah melibatkan penyelesaian baki ansuran akhir Skim ASAS RM1.89 juta.

Katanya, baki pinjaman Projek Bekalan Air sebanyak RM17.3 juta pula akan dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) yang hanya memerlukan tindakan urusan dokumentasi.

Dana RM2.53 bilion, tumpu empat teras

KERAJAAN Selangor memperuntuk RM2.53 bilion dalam Belanjawan 2024 bagi perbelanjaan mengurus dan melaksanakan pembangunan negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak RM1.33 bilion atau 52.6 peratus diagih untuk perbelanjaan mengurus dan RM1.2 bilion bagi pembangunan.

Beliau turut menganggarkan hasil yang boleh dikutip berjumlah RM2.2 bilion tahun depan berdasarkan rekod pencapaian pada Ogos 2022 dan September 2023.

"Antara penyumbang utama kepada hasil negeri tahun 2024 adalah premium tanah sebanyak RM890.94 juta bersamaan 40.5 peratus daripada anggaran hasil keseluruhan.

"Penyumbang kedua terbesar hasil cukai tanah sebanyak RM622.65 juta (28.3 peratus) dan ketiga pemberian persekutuan berjumlah RM212.96 juta, 9.7 peratus daripada pendapatan 2024," katanya ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2024 di Dewan Negeri pada 10 November.

Amirudin berkata belanjawan kali ini turut mengalami defisit berjumlah RM330 juta, namun lebih rendah berbanding tahun lalu dengan pengurangan sebanyak RM120 juta.

Meskipun perbelanjaan defisit sejak enam belanjawan lalu, jelasnya, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk



mengurangkan angka tersebut kepada satu jumlah yang munasabah.

"(Ia) menerusi instrumen kawalan perbelanjaan serta amalan prinsip tadbir urus kewangan yang baik tanpa menjejaskan output dan impak perbelanjaan," katanya lagi.

Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus antaranya kenaikan gaji penjawat awam kontrak, elaun guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain serta petugas masjid.

Bertemakan Selangor Mandiri: Memacu Kemajuan, Memicu Perpaduan, belanjawan tahun depan digerakkan melalui empat teras utama iaitu:

- Pemangkin pelaburan berkualiti, menjana pendapatan tinggi
- Mengangkat pendidikan bestari, menjamin alam sekitar lestari
- Menaungi kebajikan rakyat
- Mengangkat kesatuan ummah

INFOGRAFIK LENGKAP
MUKA 8 & 9 ▶

Rizab kukuh, cecah RM3.71 bilion

JUMLAH agregat terkumpul Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri terus kukuh dan stabil mencecah RM3.71 bilion setakat 9 November tahun ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan peningkatan RM631.48 juta berbanding tahun lalu meliputi Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM1.49 bilion dan Akaun Amanah Disatukan, RM2.21 bilion.

Menggunakan pendekatan dan

strategi perbelanjaan berkesan serta berhemah, beliau berkata prestasi kewangan negeri sehingga tempoh itu juga merekodkan kelebihan kewangan sebanyak RM427.25 juta.

"Secara spesifiknya, kutipan hasil Negeri Selangor sehingga 9 November yang direkodkan berjumlah RM2.4 bilion dan telah digunakan sebanyak 85.97 peratus atau RM1.11 bilion untuk perbelanjaan mengurus.

"Manakala sebanyak 72.05 peratus atau RM864.56 juta lagi untuk

perbelanjaan pembangunan di negeri ini," katanya.

Amirudin juga optimis pentadbiran negeri mampu mengecilkan unjuran defisit 2023 daripada RM495 juta kepada angka lebih rendah, yang boleh ditampung oleh rizab sedia ada.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan kutipan hasil negeri mencapai RM2.405 bilion setakat 9 November, bersamaan 120 peratus daripada anggaran hasil 2023 sebanyak RM2 bilion.

PENGARANG BERITA

Afeeqa Abdul Rasol

PENOLONG PENGARANG

Naeem Raffi, Khairul Azran Hussin, Afix Redzuan, Faridzwan Abdul Ghafar, Hafizan Taib, Norzilawati Sidek, Nur Aishah Mohd Amin dan Fuad Hadinata Yaacob

WARTAWAN

Nadiah Zamlus, Norrasyidah Arshad, Zareef Muzammil, Nazli Ibrahim, Abdul Rahim Sabri, Siti Rohaizah Zainal, Sheeda Fathil, Suhaila Shahrul Annuar, Sofia Nasir, Fitri Hazim Hazam dan Nas Norziela Nasbah

JURUFOTO

Hafiz Othman, Ahmad Zakki Jilan, Fikri Yusof dan Nur Adibah Ahmad Izam

GRAFIK

Azwa Malek, Azarina Aziz dan Farah Azila Mustapha



TERAS

1
PEMANGKIN
PELABURAN
BERKUALITI,
MENJANA
PENDAPATAN
TINGGI



INDUSTRI HALAL

RM3 juta perkasa industri halal negeri

SEJUMLAH RM3 juta diperuntuk tahun depan bagi memperkasa industri halal negeri termasuk penganjuran Konvensyen Halal Antarabangsa Selangor (Selhac) pada Julai tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata Selhac 2024 akan memfokuskan kepada usaha inovasi digital halal, rangkaian bekalan logistik halal dan mempercepatkan pensijilan halal.

"Selhac 2024 bakal menjadikan Selangor platform utama nusantara sektor halal dan menggerakkan perdagangan dua hala bidang itu," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

RM300 juta sambung paip Pulau Indah

JAJARAN paip dari Klang akan disambung ke Pulau Indah supaya kawasan perindustrian berkenaan dapat beroperasi pada kapasiti optimum, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata, projek menelan kos kira-kira RM300 juta itu akan dilaksanakan Air Selangor secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dengan anak syarikat Kerajaan Negeri.

"Antara elemen penting yang menjadi keperluan pelabur selain daripada kesediaan jalan raya yang selesa dan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi adalah saluran perkhidmatan air bersih serta tenaga elektrik," katanya.

Pulau Indah termasuk Zon Pembangunan Ekonomi Gerbang Maritim Selangor (ZPE SMG) dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025.

Lembah Klang Raya gabung empat bandar

PENTADBIRAN Lembah Klang Raya Selangor bakal diwujudkan meliputi empat bandar raya menerusi peruntukan RM2 juta.

Dato' Menteri Besar berkata sistem membabitkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, dan Klang dibuat melalui penggubalan Enakmen Lembah Klang Raya.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, empat bandar raya terbabit memiliki pelbagai industri utama selain berdepan cabaran pengangkutan awam, pegangan tanah dan hal kebajikan masyarakat.

"Kebanyakan industri utama di Selangor juga telah bertapak di sini sekian lama dan menyumbang kepada kemajuan kawasan ini.

"Antara cabaran yang bakal dihadapi adalah masyarakat menua, serta aspek seperti kualiti perkhidmatan pihak berkuasa tempatan, pengangkutan awam,

rejuvenasi kawasan kediaman dan komersial sedia ada, isu tanah pegangan pajakan yang hampir matang terutamanya di Petaling Jaya.

"Kesemua ini harus ditangani bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya huni bagi semua, khususnya generasi akan datang," katanya.

Klang dijangka menerima pengiktirafan sebagai bandar raya pada 23 November ini, yang akan disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Lembah Klang Raya dibangunkan dengan tujuan seperti berikut:

- Mewujudkan pentadbiran yang lebih lancar dan responsif bagi penduduk serta komuniti perniagaan termasuk menyeragamkan proses permohonan perniagaan,

pelesenan, dan kelulusan

- Proses rejuvenasi bandar-bandar matang
- Menjadi 'test bed' bagi pentadbiran kerajaan digital dengan membina sistem digital berkembar Lembah Klang Raya bagi membolehkan simulasi seperti pengurusan trafik, bencana, proses pembangunan termasuk reka bentuk bangunan dan kebenaran merancang
- Mempercepatkan transisi daripada penggunaan kenderaan peribadi kepada pengangkutan awam
- Mengoptimalkan sumber kerajaan dan menghapuskan pertindihan
- Mewujudkan pentadbiran lokaliti pertama yang mesra warga emas, orang kelainan upaya, mesra kanak-kanak dan menjayakan hasrat bandar rendah karbon pertama Malaysia

Usaha tingkat pendapatan rakyat

KERAJAAN Negeri bakal melaksana 10 anjakan utama bagi menjayakan strategi rakyat Selangor berpendapatan tinggi.

Berikut 10 anjakan utama yang dikenal pasti:

- Pembinaan industri baharu seperti kecerdasan buatan dan pembinaan dron di Selangor
- Sistem perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap dan berpaksi kepada

rakyat dengan mempercepatkan proses digitalisasi

- Kawasan perindustrian baharu dan taman perindustrian mampan di utara, selatan, dan di tengah Selangor
- Sistem pengangkutan awam yang menggerakkan manusia dan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan peribadi
- Infrastruktur berdaya tahan bagi mengadaptasi kepada risiko

perubahan iklim

- Keterjaminan makanan bagi mendepani risiko gangguan rantaian bekalan makanan di luar negara
- Pelaksanaan industri sukan berprestasi tinggi
- Selangor sebagai pusat pelancongan utama Malaysia
- Pembangunan usahawan dan ekonomi kreatif sebagai dimensi ekonomi baharu

Baiki prasarana luar bandar

SEBANYAK RM4 juta diperuntuk bagi menyelenggara kemudahan awam desa dan baik pulih jalan serta meningkatkan hubungan antara bandar dan luar bandar.

Dato' Menteri Besar berkata keutamaan untuk membaik pulih dan menaiktaraf infrastruktur usang dan daif khususnya balai raya dan dewan orang ramai.

"Inisiatif itu juga membantu dalam penyediaan pusat komuniti dan ameniti sosial termasuklah kemudahan infrastruktur digital.

"Ia juga melibatkan liputan jalur lebar percuma yang berkualiti untuk manfaat warga desa daripada kanak-kanak, belia sehingga orang dewasa," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Katanya, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk meningkatkan liputan jalan berturap, menambah lampu jalan solar dan memulakan projek rintis pembinaan panel solar bagi bekalan elektrik di desa.



PROJEK SELANGOR PENYAYANG (PSP) RM 24 JUTA

Tingkat kualiti kemudahan awam

PROJEK Selangor Penyayang (PSP) bagi meningkatkan kualiti fasiliti awam dan membina prasarana baharu diteruskan tahun depan dengan peruntukan RM24 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata RM10 juta diperuntuk bagi mengecat dan memperbaiki fasiliti pangsapuri kos rendah serta sederhana melebihi 15 tahun.

"Manakala RM14 juta diperuntuk dengan RM250,000 bagi setiap 56 Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya.

Sehingga kini 626 projek PSP di 56 DUN termasuk usaha mengecat pangsapuri kos sederhana dan rendah serta memberi nafas baharu di kawasan persekitaran penduduk.



SIBS tarik pelaburan Asia Tenggara

SIDANG Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) bakal memulakan transisi sebagai program pelaburan utama rantau Asia Tenggara bermula tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata SIBS akan ditambah nilai dengan penyertaan industri ekonomi kreatif bagi meraikan kepelbagaian budaya dengan peruntukan RM20 juta.

"Bagi tahun hadapan, pihak Invest Selangor selaku agensi promosi pelaburan utama negeri akan memulakan transisi SIBS daripada program tahap negara

kepada pelaburan utama rantau Asia Tenggara.

"SIBS akan ditambah nilai dengan industri ekonomi kreatif serta meraikan kepelbagaian budaya yang merupakan kekuatan Asia Tenggara, dan untuk menjayakan SIBS ke-8, RM20 juta akan diperuntukkan," katanya.

Selain SIBS, Amirudin menambah, Pameran Udara Selangor (SAS) akan dianjurkan setiap dua tahun dengan memberi fokus kepada sektor keselamatan, pertahanan dan perniagaan penerbangan.

Menurutnya, RM8 juta diperuntuk

bagi memacu masa depan sektor penerbangan dan aeroangkasa menerusi program tersebut pada tahun depan.

"Mulai 2024, SAS akan dianjurkan setiap dua tahun dengan memberi fokus kepada sektor keselamatan, pertahanan dan perniagaan penerbangan serta pembangunan dron negeri dan untuk ini sebanyak RM8 juta diperuntukkan," katanya.

Mula dianjurkan sejak 2021, SAS menjadi landasan Kerajaan Negeri menggalakkan pertumbuhan sektor aeroangkasa dan membantu syarikat tempatan serta usahawan kecil dan sederhana meneroka bidang itu.


RM1 juta tubuh pusat kecerdasan buatan

SEBANYAK RM1 juta disediakan bagi menubuhkan Pusat Kecerdasan Buatan Selangor dalam usaha memantapkan lagi sistem perkhidmatan Kerajaan Negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor tidak mahu ketinggalan dan ingin merebut peluang dalam teknologi baharu yang sedang berkembang di seluruh dunia.

"Bagi memastikan Selangor dapat merebut peluang luas dalam industri ini yang juga mempunyai kesan limpahan dalam memantapkan sistem perkhidmatan kerajaan, pentadbiran ini akan menubuhkan Pusat Kecerdasan Buatan Selangor dengan peruntukan RM1 juta.

"Usaha ini meliputi penjalinan kerjasama dengan syarikat berteknologi yang mempunyai kepakaran dalam bidang kecerdasan



PUSAT KECERDASAN BUATAN SELANGOR

buatan (AI) bagi menarik pelaburan dan menawarkan peluang pekerjaan dalam bidang ini," katanya.

Selain industri AI, Amirudin menambah, Kerajaan Negeri berhasrat memantapkan pembangunan dron menerusi pembinaan industri peranti keras (hardware) dengan peruntukan RM2 juta.

Menurutnya, perancangan itu bagi membolehkan Selangor menjadi pemain utama dalam industri dron dan usaha itu akan direalisasikan

menerusi kerjasama dengan syarikat aeroangkasa Turki.

"Kini, bidang 'hardware' harus diteroka supaya Selangor tidak menjadi sekadar pemain kecil (bit-part-player) tetapi pemain utama (main player) dalam industri pembinaan dron melalui kerjasama syarikat antarabangsa Turkish Aerospace (TUSAS) dengan anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Selangor Aviation and Technology Innovations Sdn Bhd (SELATI) dan untuk maksud ini, RM2 juta akan diperuntuk," katanya.

SELATI diberi mandat Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pusat Kecemerlangan Dron Selangor sejak Mac 2022. Ia merangkumi ujian dron, latihan, pembangunan, penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta permainan dron.

Lulus 13 projek di wilayah selatan



SEBANYAK 13 projek diluluskan dengan jumlah keluasan 17,398.56 ekar bawah Projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS).

Dato' Menteri Besar berkata Kerajaan Negeri melalui agensi serta pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memudah cara kemasukan pelabur tempatan dan luar negara atau meluaskan kemudahan pembuatan dan kilang.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, antara yang tersenarai dalam projek pembangunan mega itu adalah pembinaan taman perindustrian aeroangkasa pertama berkonsepkan hijau iaitu Taman Aero Selangor (SAP).

"Pembangunan SAP yang mampan dan berhasrat menepati piawaian amalan tadbir urus (ESG) mampu menjadikan Selangor sebagai negeri utama dalam

bidang aeroangkasa di rantau Asia Tenggara, dan kos pembangunan projek ini akan dibiayai oleh anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI," katanya.

Selain SAP, Amirudin menambah, Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baharu berkonsepkan Taman Pengurusan Industri (MIP) yang mampan.

Tambahnya, sebanyak enam cadangan projek pembangunan kawasan perindustrian telah mendapat pengiktirafan sebagai kawasan perindustrian MIP di Selangor dengan keluasan 3,383.85 ekar.

"Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan meneruskan usaha menggalakkan lebih ramai pemaju hartanah membangunkan kawasan perindustrian baharu

yang berkonsepkan MIP serta menjalankan pengubahsuaian (retrofitting) kawasan perindustrian lama yang akan dijayakan melalui kerjasama Invest Selangor dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)," katanya.

Amirudin berkata sebanyak RM6 juta akan disedia pada tahun depan melalui MBI bagi melengkapkan kawasan perindustrian dengan perkhidmatan jalur lebar menerusi Taman Upaya Internet Kebendaan IoT (internet of things) Enabled Industrial Park).

"Pada tahun hadapan, sebanyak RM6 juta akan disediakan melalui MBI bagi melengkapkan kawasan perindustrian baharu dan sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar untuk terus memantapkan infrastruktur telekomunikasi di Selangor khususnya di kawasan industri," katanya.

RM3.3 juta galak wanita jadi usahawan

KERAJAAN Negeri berpendirian bahawa harus ada usaha khas bagi menggalakkan lebih ramai wanita menjadi usahawan dengan peruntukan RM3.3 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif itu termasuklah meneruskan usaha melahirkan dan memberdaya usahawan melalui Dana Usahawan Mikro Selangor yang membantu sekurang-kurangnya 100 usahawan untuk memulakan perniagaan.

Seterusnya, komuniti usahawan akan dibimbing dengan latihan,

promosi, pembangunan dan pengkomersialan produk bukan sahaja untuk berjaya dalam negeri tetapi meneroka pasaran luar.

"Program Liga Usahawan Wanita akan diperkasakan termasuk program Komuniti Belia Selangor bagi menggalakkan bantuan pada peringkat komuniti termasuk peringkat permulaan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran serta penempatan produk," katanya.

Amirudin berkata bagi memacu ekonomi kreatif Kerajaan Negeri merancang menambah nilai kepada

penggiat industri kreatif yang semakin luas seperti seni reka bentuk, pereka fesyen, karyawan dan pemuzik.

"Industri ini juga ada ruang untuk diteroka bagi mengembangkan peluang meningkatkan nilai seni budaya dan warisan budaya supaya kekuatan negeri ini yang mempunyai pelbagai budaya dapat dijadikan nilai unik seterusnya menjadi tarikan di rantau Asia Tenggara.

"Sebanyak RM1 juta akan diperuntuk bagi memperkasa industri ekonomi kreatif di Selangor," katanya.

Misi kembali juara bola sepak

KERAJAAN Negeri menasaskan bola sepak pasukan Merah Kuning kembali menjuarai Liga Super, Piala Malaysia dan Sukan Malaysia (SUKMA) menjelang 2025.

Dato' Menteri Besar berkata Kerajaan Negeri memperuntuk RM10 juta untuk pasukan Selangor FC (SFC) dan RM8 juta kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor.

"Ini sebagai titik tolak misi menjuarai Liga Super, Piala Malaysia dan SUKMA menjelang 2025.

"Untuk merealisasikan impian tersebut, Kerajaan Negeri akan menyokong penuh kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor (Tengku Amir Shah) sebagai Presiden FAS dan SFC serta MSN," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau juga berkata dana RM1 juta disediakan untuk mengembangkan Selangor Cyber Games, menubuhkan Liga e-Sukan di setiap daerah dan mengukuhkan ekosistem e-sukan.

Katanya lagi, jumlah sama termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan bantuan kewangan turut diperluas kepada pemandu e-panggilan melalui program Roda Darul Ehsan.

Unisel-UPM jaya makmal penyelidikan

UNIVERSITI Selangor (Unisel) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) memulakan Program Usaha Sama Makmal Selangor disertai 10 syarikat swasta dan enam institusi pengajian tinggi serta institusi penyelidikan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif itu memberi kemudahan kepada syarikat dan pelabur memanfaatkan peralatan dan perkhidmatan berkaitan makmal penyelidikan.

"Sebagai salah satu daripada lima sektor utama di Selangor, sektor sains hayat akan digerakkan melalui kerjasama kolaborasi antara institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan tempatan dan pemain industri.

"Melalui inisiatif ini, pelabur dan syarikat yang berminat dapat memanfaatkan kemudahan seperti makmal bagi penyewaan peralatan serta perkhidmatan analisa, latihan teknikal serta kolaborasi penyelidikan dalam bidang alat perubatan, farmaseutikal, bioteknologi, produk kosmetik serta penjagaan diri," katanya.

Program berkenaan merupakan inisiatif sulung yang diperkenal Kerajaan Negeri dalam usaha memperkasa sektor sains hayat dengan pemain industri.

RM40 juta tingkat bekalan makanan

SELANGOR memperuntuk RM40 juta bagi mengukuhkan kesediaan stok makanan sebagai persediaan menghadapi sebarang situasi akibat perubahan iklim atau geopolitik.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha itu dijangka dapat mempertingkatkan bekalan makanan antara tiga hingga enam bulan.

“Sebanyak RM40 juta akan diperuntukkan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), iaitu RM20 juta daripada Kerajaan Negeri dan baki RM20 juta daripada PKPS.

“PKPS juga akan menggunakan pakai templat penanaman padi yang terbukti dapat meningkatkan hasil penuaian sehingga dua kali setahun ke kawasan lain di Selangor serta negeri lain supaya keterjaminan makanan dapat ditingkatkan,” katanya.

Berikut inisiatif yang turut dilaksana bagi memastikan bekalan makanan negeri terjamin:

- RM10 juta jayakan projek klusterisasi tanaman dan produk hiliran di setiap daerah
- Perluas projek Industri Hiliran Hasil Laut dan Agro Makanan Sungai Lang
- Kompleks urus hasil laut Sekinchan

Suruhanjaya tangani aduan PBT 24 jam

SURUHANJAYA Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan bakal ditubuhkan tahun hadapan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan termasuk menyelesaikan aduan dalam 24 jam.

Dato' Menteri Besar berkata proses pembentukan suruhanjaya itu akan dibahaskan dalam Sidang Dewan Negeri kali ini.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata penubuhannya bagi mewujudkan bandar berdaya huni dan mampan di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) sekali gus menjadikan Selangor sebagai negeri paling bersih.

“Selangor mempunyai jumlah penduduk paling ramai di Malaysia yang kini sudah mencecah tujuh juta. Antara cabaran utama urbanisasi adalah aspek seperti kepesatan penduduk, pengurusan sisa pepejal, penyelenggaraan jalan, pembersihan longkang dan persekitaran.

“Selain mewujudkan bandar yang berdaya huni dan mampan di setiap PBT, saya ingin melihat Selangor menjadi negeri yang paling bersih persekitarannya. Pengurusan sisa harus diperkukuhkan,” katanya.


Jajaran rel majukan pantai barat negeri

BAGI menggalakkan rakyat Selangor menggunakan pengangkutan awam, Kerajaan Negeri berhasrat membangunkan Jajaran Rel Kita Selangor di pantai barat negeri.

Dato' Menteri Besar berkata jaringan kereta api itu bermula dari Klang ke Kuala Selangor, Tanjong Karang, dan Sabak Bernam selain meneroka potensi lain dari Kuang ke Kuala Selangor.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, projek infrastruktur itu akan dimulakan menerusi kajian kebolehlaksanaan yang akan mengambil kira pelbagai aspek dengan peruntukan RM3 juta.

“Projek infrastruktur terutamanya jaringan rel dan bas mampu menawarkan peluang pekerjaan, bukan sahaja pada peringkat pembinaan infrastruktur, tetapi juga sepanjang jangka hayat pengoperasian projek terutama



JAJARAN REL KITA SELANGOR RM 3 JUTA

daripada segi penyelenggaraan.

“Jajaran Rel Kita Selangor di kawasan pantai barat dapat membangunkan kawasan Kapar, Jeram, Kuala Selangor, Tanjong Karang, Sekinchan, Sabak sehingga ke sempadan Perak termasuk dengan

pembukaan perbandaran baharu di jajaran ini,” katanya.

Amirudin menambah, Kerajaan Negeri juga akan mengoptimalkan laluan pejalan kaki selain menambah perkhidmatan bas dan van awam.

Jelasnya, penggunaan Bas Smart Selangor dan perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bakal diperkukuh dengan peruntukan RM5 juta pada tahun depan.

Malah Amirudin berkata, laluan pejalan kaki yang selamat dan selesa dengan fungsi pengudaraan serta panel solar akan dibina tahun depan melalui projek rintis dilaksana Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

“Laluan pejalan kaki bermula dari Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke pusat bandar Shah Alam itu akan dibina dengan peruntukan RM3 juta,” katanya.

RM145 juta untuk pembangunan jalan raya

SEJUMLAH RM145 juta diperuntuk bagi menayakan pembangunan jalan raya dan infrastruktur pada tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata anggaran peruntukan RM16.45 juta disedia untuk baik pulih cerun, naik taraf jalan di seluruh negeri, pelantikan perunding kajian trafik,

pewartaan jalan negeri, pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat serta meningkatkan aspek keselamatan jalan raya.

“Sebanyak RM12.6 juta pula untuk pembinaan jambatan di Kampung Sungai Buah (Sepang) dan Sungai Serigala Laluan B44 Jalan Hulu Bernam (Sungai Besar) selain menaik

taraf jambatan di Jalan Ara, Bagan Pasir (Tanjong Karang).

“Belanjawan tahun depan turut menyediakan dana RM29.9 juta untuk kerja pembinaan jalan baharu manakala RM68.2 juta bagi mengatasi masalah kesesakan di jalan negeri.


“Projek Turapan Mega juga telah dilaksanakan tahun ini bagi memastikan jalan negeri diselenggara dengan baik melibatkan peruntukan RM50 juta,” katanya.

Bagi memastikan pengurusan pengairan dan sumber air kekal teratur pula, Belanjawan Negeri memperuntuk RM65 juta untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan.

“Peruntukan ini merangkumi pembangunan projek tebatan banjir, sistem saliran, lembangan sungai, sumber air dan hidrologi, pengurusan saliran mesra alam dan pantai dengan bilangan program sebanyak 103.

“Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan bagi menyelaras dan mempercepat pelaksanaan projek tebatan banjir yang dianggarkan berjumlah RM3 bilion termasuk projek tebatan banjir seperti Sungai Langat Fasa 2 di bawah Kerajaan Persekutuan,” katanya.





RM10 juta teruskan tuisyen percuma

KERAJAAN menambah dana RM3 juta untuk Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI pada 2024.

Dato' Menteri Besar berkata sebelum ini Kerajaan Negeri memperuntuk RM7 juta bagi program sama, menjadikan jumlahnya RM10 juta untuk tahun hadapan.

Tambahan dana bagi memenuhi sasaran terkandung dalam Tawaran Kita Selangor Kerajaan Perpaduan iaitu 200,000 pelajar dibantu dalam

tempoh lima tahun, kata Dato' Seri Amirudin Shari.

"Selain pelajar tingkatan lima, pelajar tingkatan empat juga dilibatkan dalam PTRS, sekali gus menggandakan jumlah pelajar kepada hampir 120,000 pelajar di seluruh Selangor," katanya.

Tambahnya, PTRS menumpukan 65,000 pelajar di Selangor dengan mengadakan kelas tambahan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, sejarah dan matematik tambahan pada 2023.

"Sebanyak 277 sekolah terlibat termasuk Maahad Integrasi Tahfiz Selangor. Sejumlah 1,956 guru dan penyelaras terlibat dengan kos RM7 juta bagi 2023. Selain pemberian modul, peruntukan termasuk elauan guru dan makan tengah hari kepada pelajar yang menyertai tuisyen," katanya.

PTRS memberi bantuan kelas tambahan untuk pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah yang prestasi pelajaran sederhana atau lemah.

Anjur saringan perkembangan kanak-kanak

INISIATIF saringan awal mengenal pasti tahap perkembangan kanak-kanak akan diperkenalkan Kerajaan Selangor pada 2024 melalui peruntukan RM350,000.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Program Saringan Perkembangan itu akan memfokuskan kanak-kanak berumur antara tiga hingga lima tahun daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

Jelasnya, pengesanan awal itu juga sekali gus membolehkan bantuan intervensi diambil untuk menambah baik pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak berkenaan.

"Program saringan perkembangan kanak-kanak ini adalah untuk mengetahui status perkembangan anak dalam lima bidang utama – motor kasar, motor halus, pertuturan dan bahasa, perkembangan kognitif

dan tingkah laku sosial/adaptif.

"Ini juga merupakan usaha Kerajaan Negeri bagi membantu mengurangkan waktu janji temu dengan pakar perkembangan pediatrik di hospital kerajaan yang memakan masa antara dua hingga

tiga tahun," kata Dato' Menteri Besar.

Program Saringan Perkembangan menerusi Iltizam Penjagaan Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Selangor (IMPAK) diperkenal sejak November tahun lalu.



**MENGANGKAT
PENDIDIKAN
BESTARI,
MENJAMIN
ALAM SEKITAR
LESTARI**

RM26.5 juta baik pulih sekolah

SEJUMLAH RM26.5 juta diperuntuk bagi membaik pulih infrastruktur sekolah menjelang tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Jelasnya peruntukan disedia sejak 2009 itu bagi menyediakan persekitaran lebih kondusif.

"Semenjak diperkenalkan, program ini telah menerima sambutan yang sangat tinggi daripada sekolah-sekolah di Selangor.

"Pada tahun ini sebagai contoh sebanyak 988 buah sekolah telah diberikan bantuan," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Bermula tahun depan juga RM1.5 juta daripada dana berkenaan diperuntuk bagi baik pulih infrastruktur rosak akibat bencana.

Amirudin menambah inisiatif dinamakan Tabung Khas Pemulihan Bencana Infrastruktur Sekolah Negeri Selangor itu dimaklumkan kepada Kementerian Pendidikan.

Perluas operasi pusat bencana daerah

PUSAT Operasi Bencana Daerah (DDOC) akan diperluas ke seluruh daerah tahun depan menerusi peruntukan RM1.4 juta bagi menyalurkan maklumat insiden dengan lebih berkesan.

Dato' Menteri Besar berkata pusat berkenaan ditubuhkan di tiga daerah tahun ini melibatkan Petaling, Klang dan Hulu Langat.

"Pusat ini akan mempunyai infrastruktur yang mampu menyalurkan maklumat penting kepada Pusat Operasi Smart Selangor dalam setiap kejadian bencana," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Amirudin berkata RM400,000 turut disedia bagi meneruskan projek komuniti yang memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami risiko bencana setempat.

BELANJAWAN SELANGOR 2024

TERAS 1 PEMANGKIN PELABURAN BERKUALITI, MENJANA PENDAPATAN TINGGI

PUSAT KECERDASAN BUATAN SELANGOR RM 1 JUTA	PEMBANGUNAN DRON SELANGOR RM 2 JUTA	MAJLIS KEMAHIRAN & PEKERJAAN SELANGOR RM 1 JUTA	SIDANG PUNCAK PERNIAGAAN (SIBS) RM 20 JUTA	PAMERAN UDARA SELANGOR RM 8 JUTA
PEMBANGUNAN SEKTOR SAINS HAYAT DI SELANGOR	LEMBAH KLANG RAYA RM 2 JUTA	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PBT	PENGUKUHAN SIAP RM 1 JUTA	SISTEM E-PELELONG, TENDER, SMART DOCKET NEGERI SELANGOR RM 6 JUTA
JAJARAN REL KITA SELANGOR RM 3 JUTA	IDRIS: KAWASAN PERINDUSTRIAN BAHARU DAN TAMAN PERINDUSTRIAN MAMPAN	TAMAN AERO SELANGOR (SAP)	TAMAN INDUSTRI TERSELIA (MIP)	TAMAN INDUSTRI INTERNET KEBENDAAN (IEP) RM 6 JUTA
MOBILITI SELANGOR RM 8 JUTA	KEMUDAHAN ULTIITI PULAU INDAH RM 300 JUTA	PEMBANGUNAN JALAN RAYA DAN INFRASTRUKTUR RM 145 JUTA	JPS, TEBATAN BANJIR, LEMBANGAN SUNGAI, PEMBANGUNAN PANTAI RM 133 JUTA	PROJEK SELANGOR PENYAYANG (PSP) RM 24 JUTA
KETERJAMINAN MAKANAN RM 50 JUTA	PEMBANGUNAN INFRA LUAR BANDAR RM 4 JUTA	PEMBANGUNAN SUKAN, ANAK MUDA DAN RIDE RM 19 JUTA	E-SUKAN RM 1 JUTA	RIZAB TAMBAHAN PBT INFRASTRUKTUR FIZIKAL 10%
SABDA: FASA 1 RM 76 JUTA	PROJEK INDUSTRI HILIRAN HASIL LAUT & AGRO MAKANAN SUNGAI LANG	KOMPLEKS Pendaratan Hasil Laut Sekinchan	PELANCONGAN RM 3.3 JUTA	PROJEK PEMBANGUNAN GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK RM 2 JUTA
INDUSTRI HALAL RM 3 JUTA	USAHAWAN DAN EKONOMI KREATIF RM 4.8 JUTA			




SELANGOR MANDIRI: MEMACU KEMAJUAN, MEMICU PERPADUAN

HASIL NEGERI KESELURUHAN

SETAKAT 9 NOVEMBER 2023

RM2,405,000,000
ATAU 120%

BERBANDING HASIL ANGGARAN 2023 RM2 BILION



TERAS 2 MENGANGKAT PENDIDIKAN BESTARI, MENJAMIN ALAM LESTARI

BANTUAN SEKOLAH NEGERI SELANGOR RM 26.5 JUTA	PEMBUDAYAAN SAINS DAN INOVASI RM 2 JUTA	SARINGAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK RM 350 RIBU	PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS) RM 10 JUTA	PEMBANGUNAN MAHASISWA NEGERI SELANGOR RM 24.9 JUTA
PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN TEKNIKAL SELANGOR (STDC) RM 13.85 JUTA	PEMERKASAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI BAWAH KERAJAAN NEGERI RM 9 JUTA	HADIAH PENGAJIAN IPT RM 3 JUTA	TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR (TKWBNS) RM 9 JUTA	BANTUAN ASAS YURAN UNIVERSITI (BAYU) RM 5 JUTA
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM RM 2.5 JUTA	PEMASYHURAN TAMAN NEGERI SELANGOR SEBAGAI HUTAN WARISAN DIRAJA SELANGOR RM 520 RIBU	PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN HUTAN TEROSOT, HUTAN PAYA LAUT DAN PERSISIR PANTAI NEGERI SELANGOR RM 250 RIBU	PEMASANGAN INFRASTRUKTUR TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DIBAWAH AIR SELANGOR RM 305 JUTA	
LOJI TENAGA HIJAU SULTAN IDRIS SHAH (SISGE) 4 FASA RM 4.5 BILION	LONJAKAN KITAR SEMULA SELANGOR RM 3 JUTA	PENGURUSAN RISIKO BENCANA BERSAMA KOMUNITI SETEMPAT RM 400 RIBU	PUSAT OPERASI BENCANA DAERAH (DOCC) RM 1.4 JUTA	INDUSTRI BEKALAN AIR RM 100 JUTA

TERAS 3 MENAUNGI KEBAJIKAN RAKYAT

KESIHATAN AWAM RM 59.7 JUTA	200 RIBU RUMAH DALAM TEMPOH 5 TAHUN	SMART SEWA SKIM SMART SEWA TAMBAHAN RM 220 JUTA	PENYELESAIAN PROJEK TERBENGGALAI RM 18 JUTA	PASUKAN PETUGAS HAK MILIK STRATA RM 200 RIBU
PROGRAM RAWANG KOMUNITI STRATA, MEMPERKASA KOMUNITI PPR, DAN SKIM SMART SEWA RM 800 RIBU	SKIM ASUH PINTAR RM 600 RIBU	TUNAS RM 2 JUTA	PROGRAM ILTIZAM ANAK SELANGOR RM 3 JUTA	ANAK ISTIMEWA SELANGOR RM 1 JUTA
BINGKASK BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR RM 108 JUTA	BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGERI SELANGOR RM 2.1 JUTA	BAUCAR JOM SHOPPING BERSEMPENA PERAYAAN RM 16.48 JUTA	RUMAH KERAJAAN PRIHATIN UNTUK COLOGAN B40 RM 2 JUTA	SKIM MESRA RM 37.5 JUTA
PROGRAM DANA BANTUAN GUAMAN SELANGOR RM 1 JUTA	EKONOMI PENJAJAAN (CARE ECONOMY) RM 1 JUTA	PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA RM 4 JUTA	KEBAJIKAN ORANG ASAL RM 2.5 JUTA	PROGRAM KEBUDAYAAN RM 2 JUTA
ADAT ISTIADAT DAN WARISAN MELAYU RM 6 JUTA	GAGASAN RUMPUN SELANGOR RM 4.5 JUTA	PEMBERDAYAAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN DESA RM 4 JUTA	PENGECAULIAN & PENGURANGAN DUTI HIBURAN 2024	

TERAS 4 MENGANGKAT KESATUAN UMMAH

FESTIVAL TURATH ISLAMI RM 2 JUTA	PEMERKASAAN INSTITUSI FATWA NEGERI RM 500 RIBU	TABUNG AMANAH PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PELAJAR TIMUR TENGAH RM 5 JUTA	PEMBAIKAN ASRAMA PELAJAR SELANGOR DI MESIR RM 200 RIBU	INSENTIF HAJI SELANGOR RM 3 JUTA
PEMBINAAN KOMPLEKS ISLAM DI GOMBAK PERMAI RM 25 JUTA	NAIKTARAF KEMUDAHAN DAN KESELESAAN MASJID RM 700 RIBU	BANTUAN SUBSIDI YURAN KAFA-I RM 5 JUTA	AKADEMI LITERASI AL-QURAN RM 1 JUTA	PROGRAM PENGURUSAN MASJID RM 2 JUTA

EMOLUMEN RM480.24 JUTA	SOSIAL RM359.17 JUTA
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN RM601.57 JUTA	INFRASTRUKTUR RM357.10 JUTA
ASET RM22.91 JUTA	EKONOMI RM296.13 JUTA
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP RM210.56 JUTA	KESIHATAN, PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR RM187.60 JUTA
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN RM14.72 JUTA	

Bangunkan Hutan Warisan Diraja

SEJUMLAH RM520,000 diperuntuk tahun depan untuk pelaksanaan projek pembangunan Hutan Warisan Diraja Selangor sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Darat Selangor.

Dato' Menteri Besar berkata peruntukan itu meliputi pelaksanaan majlis pelancaran Hutan Warisan Diraja Selangor, mini ekspedisi saintifik biodiversiti dan lain-lain.

"Hutan Warisan Diraja Selangor melibatkan kawasan Taman Negeri Selangor seluas 103,000 hektar yang merupakan gabungan beberapa hutan simpanan kekal.

"Kawasan ini juga dikenali sebagai Taman Warisan Negeri terletak di Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat.

"Pelan Pembangunan Hutan Warisan Diraja Selangor disediakan tahun lalu sebagai panduan asas pelaksanaan selama tempoh lima tahun," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Amirudin berkata sejumlah RM250,000 diperuntuk tahun depan bagi program pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan terosot, hutan paya laut dan pesisir pantai.

"Ia salah satu strategi memperkasa sumber hutan di Selangor selain berupaya meningkatkan fungsi dan peranan hutan sebagai kawalan banjir serta menangani kesan perubahan iklim," katanya.

Teruskan hadiah lanjut pengajian

INISIATIF pemberian wang tunai RM1,000 kepada anak Selangor berjaya melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi awam dan swasta diteruskan tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) dengan peruntukan RM3 juta itu menumpu keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah sahaja.

Tambah Dato' Seri Amirudin Shari, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor (TKWBNS) dengan dana RM9 juta.

"Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan program ini untuk memberi peluang kepada anak-anak Selangor melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka dunia.

"Program pinjaman dan biasiswa yang ditawarkan telah memberikan manfaat kepada seramai 29,199 orang sejak 1985 hingga September dengan kos kewangan sebanyak RM421.5 juta," katanya.

Amirudin juga menyasar 2,500 pelajar akan dibantu menerusi Bantuan Asas Yuran Universiti (BAYU) tahun depan.



Tenaga hijau optimum kos urus sisa pepejal

PEMBANGUNAN empat fasa Loji Tenaga Hijau Sultan Idris Shah (SISGE) mampu membakar 2,400 tan sampah sehari dan menjana 130.5 megawatt tenaga elektrik.

Dato' Menteri Besar berkata projek itu yang dibangunkan KDEB Waste Management (KDEBWM) mengoptimumkan kos pengurusan sisa pepejal dengan mengekal kualiti dan kebersihan alam sekitar.

"Projek itu dapat memberi nilai tambah daripada sisa pepejal melalui

penjanaan tenaga dan bahan berguna yang boleh diperdagangkan seperti elektrik, haba atau bahan api," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Menelan kos RM4.5 bilion melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI), katanya, taman itu juga menjadikan Selangor setanding negara maju dalam pengurusan sisa pepejal yang lebih mampan.

Amirudin berkata KDEBWM turut membangunkan fasiliti kitar semula Selangor ReCycle Surge di

setiap pihak berkuasa tempatan bagi menyokong pemerkasaan amalan kitar semula selaras Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

"Inisiatif ini dijangka akan mengurangkan sampah yang dihantar ke pusat kitar semula sekali gus menjimatkan perbelanjaan negeri untuk membayar upah pelupusan sampah," katanya menganggar kos pelaksanaan RM3 juta menggunakan sumber PFI.

Struktur semula Unisel, tumpu TVET

UNIVERSITI Selangor (Unisel) akan distruktur semula menjadi Universiti Industri Selangor sekali gus memfokuskan sepenuhnya kepada latihan teknikal dan vokasional.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata penjenamaan itu dilakukan ke arah mengukuhkan usaha program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bernilai tinggi di negeri ini menjelang 2025.

"Pembangunan pendidikan TVET di Selangor sentiasa diberi perhatian memandangkan keperluan yang tinggi bagi melahirkan pekerja mahir dan berpotensi dalam memenuhi keperluan

industri dan ekonomi negara," katanya.

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM24.9 juta bagi keseluruhan Program Pembangunan Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor, antara usaha lain ialah:

- Peruntuk RM13.85 juta bagi Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKHTISASS) sebagai persediaan ke arah Revolusi Industri 4.0, sekali gus meningkatkan pelaburan asing (FDI) di negeri ini
- RM9 juta naik taraf, baik pulih dan tambah baik infrastruktur Unisel,

Universiti Islam Selangor (UIS) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC)

- RM400,000 teruskan program pemberian baucar buku kepada mahasiswa keluarga B40 dan asnaf. Sasar 2,000 mahasiswa dari universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi swasta terpilih
- Lancar Jelajah Mahasiswa #KitaSelangor, babit siri jelajah ke UA seluruh negara untuk perkenal inisiatif pendidikan ditawar Kerajaan Negeri. Kerjasama strategik bersama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Selangor

RM59.7 juta jayakan inisiatif kesihatan

SEJUMLAH RM59.7 juta diperuntuk bagi pelaksanaan program dan inisiatif kesihatan awam tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Iltizam Selangor Sihat diteruskan melibatkan peruntukan RM35 juta yang memberi manfaat kepada 100,000 pemegang polisi utama dan anggaran 150,000 ahli keluarga berdaftar.

"Setiap pemegang polisi layak mendapatkan rawatan asas dan vaksinasi tahunan berjumlah RM500 bagi kategori keluarga dan RM250 setahun untuk individu di mana-mana klinik panel di seluruh negeri.

"Menyedari kos bagi rawatan hospitalisasi tinggi di hospital swasta dan golongan yang berpendapatan rendah tidak mempunyai kemampuan kewangan bagi membiayai rawatan tersebut, Kerajaan Negeri memperluas manfaat sehingga RM10,000 setahun di hospital panel terpilih," katanya.

Kata Amirudin, manfaat tambahan sebelum ini turut dikekalkan dengan beberapa penambahbaikan bagi memastikan tidak bertindih dengan manfaat bawah program lain antaranya penyakit kritikal RM5,000, manfaat kematian semula jadi (RM5,000).

"Manfaat ini akan turut meliputi bagi ahli keluarga berdaftar di bawah inisiatif ini," katanya.

Kerajaan Negeri juga meneruskan Bantuan Sihat Selangor (BSS) yang



diperkenalkan sejak 2009 melalui peruntukan berjumlah RM5 juta.

Jelasnya, penerima BSS akan menerima bantuan kewangan sehingga RM5,000 untuk menampung kos rawatan kesihatan seperti dialisis buah pinggang, pembedahan katarak mata, pembedahan kecil, rawatan kanser, elaun pengangkutan serta bantuan alatan perubatan.

"Kerajaan Negeri juga meneruskan Skim Rawatan Jantung yang menawarkan bantuan kewangan bagi rawatan jantung sehingga RM50,000 kepada

golongan yang berkelayakan melalui peruntukan RM5 juta," katanya.

Berikut manfaat lain dalam aspek kesihatan:

- RM1.5 juta untuk Program Iltizam Selangor Sihat Penjawat Awam (ISSPA) bagi penjawat awam Gred 44 dan ke bawah yang berkhidmat di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri termasuk kakitangan anggota pentadbiran
- Program Selangor Saring dan Saringan Kanser diteruskan dengan kos keseluruhan berjumlah RM3.2 juta



Pengecualian duti hiburan bantu artis

KERAJAAN Selangor bersetuju meneruskan dasar pengecualian duti hiburan tahun depan bagi membantu artis tempatan dan merencanakan industri pelancongan.

Dato' Menteri Besar berkata keputusan itu selaras pembentangan Belanjawan Persekutuan 2024 Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengiktiraf langkah negeri sejak tahun lalu.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan dasar itu meliputi pengecualian penuh pertunjukan pentas bertiket bagi artis tempatan bermula 2022.

"Meneruskan pengurangan kadar duti hiburan daripada 25 peratus kepada 10 peratus aktiviti pertunjukan pentas bertiket bagi artis antarabangsa.

"Ketiga, menetapkan kadar Duti Hiburan lapan peratus aktiviti pertunjukan pentas bertiket melibatkan campuran artis dari negara antarabangsa serta tempatan," katanya.

Pengecualian turut melibatkan aktiviti persembahan muzik dan persembahan pentas tidak bertiket.

Tubuh pusat tangani perubahan iklim

SEBUAH Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Selangor ditubuhkan dengan dana RM800,000 bagi memperkukuh persediaan menghadapi ancaman perubahan iklim.

Dato' Menteri Besar berkata ia bertujuan merangka, menyelaras dan mencadangkan pendekatan baharu yang wajar dilaksanakan supaya setiap daerah di Selangor lebih bersedia menghadapi ancaman perubahan iklim.

"Pusat berkenaan dinaik taraf dari Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negeri Selangor yang ditubuhkan tahun lalu," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata sejumlah RM300,000 diperuntuk bagi pembangunan dasar dan pelan tindakan perubahan iklim dengan menumpukan tindakan

memperkukuh pelaksanaan pembangunan negeri sehingga 2030.

"Ia mengambil kira pelbagai aspek perubahan iklim khususnya berkaitan adaptasi, mitigasi dan pengurusan risiko bencana iklim bagi memaksimumkan keberhasilan sosioekonomi yang saksama dan kelestarian ekosistem," katanya.

Menurut Amirudin, Kerajaan Negeri berhasrat menyediakan kemudahan 1,000 unit stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) dengan peruntukan RM1 juta menerusi usahasama syarikat swasta seperti Gentari di bawah Petronas, Tenaga Nasional Berhad dan syarikat lain.

"Laluan hijau juga akan dibangunkan bagi pemasangan stesen pengecas serta kawasan penggantian bateri bagi motosikal yang akan

diumumkan dalam masa terdekat," katanya.

Selain itu, sejumlah RM400,000 diperuntuk bagi pelaksanaan program tanaman pokok untuk mencapai sasaran 11 juta tanaman menjelang 2026 dalam usaha memulihara dan menghidupkan kembali kawasan hutan yang diteroka.

"Inisiatif ini adalah sebahagian usaha bagi mengekalkan sehingga 31 peratus gazet kawasan Hutan Simpan Kekal," katanya.

Tambah Amirudin, Kerajaan Negeri bercadang memperbanyak mesin automatik kitar semula (RVW) dan pusat kitar semula di kawasan tumpuan penduduk dan mewujudkan lebih banyak tong sampah kitar semula berteknologi tinggi di kawasan awam.

Skim jaminan air atasi kesan kemarau

SKIM Jaminan Air Mentah (SJAM) yang asalnya untuk mengatasi pencemaran air, diteruskan tahun depan menerusi peruntukan RM100 juta bagi mengatasi kesan musim kemarau.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata fasa satu SJAM menangani pencemaran air di Sungai Selangor dan fasa dua untuk memastikan kecukupan air mentah.

"Kolam SJAM berfungsi sebagai Rancangan Tebatan Banjir semasa musim tengkujuh bagi mengurangkan risiko bah di kawasan banjir.

"Ia turut melibatkan pembinaan infrastruktur pengepaman di Sungai Selangor dan Sungai Semenyih," katanya.

Perkenal Gagasan Rumpun Selangor

GAGASAN Rumpun Selangor akan diperkenal bagi meraikan kepelbagaian dan menyemarak semangat perpaduan negeri ini.

Menerusi inisiatif itu, Dato' Menteri Besar berkata Karnival dan Jelajah Perpaduan Rumpun Selangor diadakan di sembilan daerah dengan peruntukan RM4.5 juta.

"Antara program yang akan dilaksanakan seperti jualan murah, sukan rakyat, saringan kesihatan percuma, jerayawara atau turun padang bagi mempromosi pelbagai inisiatif.

"Ia termasuk program rakyat cetusan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, gotong-royong perdana, program bimbingan kerjaya dan usahawan dan rumah perpaduan," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Selain itu, sebanyak RM4 juta pula disalurkan bagi menjalankan projek pembangunan desa serta ekonomi kampung tradisi.

RM16.48 juta untuk Jom Shopping



BAUCAR JOM SHOPPING BERSEMPENA PERAYAAN

PROGRAM bantuan baucar Jom Shopping perayaan diteruskan tahun depan menerusi peruntukan RM16.48 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata baucar belian barangan keperluan bernilai RM200 disasar kepada 82,400 keluarga kurang berkemampuan.

"Program ini merupakan program bantuan yang dilaksanakan bersempena tiga perayaan utama iaitu Tahun Baharu Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali," katanya.

Beliau menambah syarat pendapatan isi rumah bagi penerima manfaat itu juga ditingkatkan kepada bawah RM3,000 sebulan berbanding bawah RM2,000 bermula tahun ini.

Sementara itu, Amirudin berkata program Skim Mesra dengan implikasi kewangan RM37.5 juta akan ditambah baik melalui sistem pendigitalan supaya permohonan pendaftaran dan penebusan baucar boleh dibuat dalam talian.

Yayasan insan istimewa bela nasib OKU

YAYASAN Insan Istimewa Selangor (YANIS) ditubuhkan dengan dana RM5 juta bagi melaksana program utama untuk orang kurang upaya (OKU) tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata yayasan bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI selaras matlamat kedua Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bagi mempertingkatkan inklusiviti sosial dan kesejahteraan masyarakat dengan tumpuan terhadap kumpulan sasaran.

"Bagi menambah baik perkhidmatan golongan OKU, Kerajaan Negeri melihat keperluan

untuk mengembangkan fungsi Jabatan Anak Istimewa Selangor (ANIS) yang selama ini menjadi pelaksana utama semua inisiatif berkaitan.

"Inisiatif seperti Bantuan Khas ANIS, Didik ANIS, Akademi ANIS, Pusat Sokongan Intervensi ANIS dan Prasekolah ANIS," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata YANIS juga akan memperluas perkhidmatan kepada OKU tanpa mengira had umur berbanding sebelum ini yang bertumpu kumpulan sasaran bawah 18 tahun.

"Fokus juga diberikan kepada

program pendidikan, latihan dan pendayaupayaan agar mereka mampu mandiri dan mendapatkan peluang pekerjaan lebih baik," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata peruntukan RM250,000 turut disediakan bagi membangunkan dokumen Pelan Tindakan Mesra OKU 2024-2026 sekali gus menambah baik program pembangunan golongan terbabit.

"OKU golongan yang sentiasa dekat di hati Kerajaan Negeri dan pelbagai inisiatif dilaksanakan menyentuh khusus kepada golongan ini," katanya.



RM4 juta untuk pembangunan wanita

KERAJAAN Negeri menyediakan RM4 juta bagi menjalankan pelbagai program dan aktiviti demi memastikan kesejahteraan serta pembangunan wanita negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pemberian dana kepada Wanita Berdaya Selangor (WBS) itu melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga.

"Kerajaan Negeri mengakui golongan wanita antara pihak paling terkesan akibat tekanan ekonomi global merangkumi aspek sosial, ekonomi dan kesihatan," katanya.

Amirudin menambah sebanyak RM50,000 diperuntuk bagi meneruskan Talian Khas Keganasan Rumahtangga (Talian SELamat) yang turut dikendalikan WBS susulan peningkatan kes terbabit

pascapandemik.

Beliau turut memaklumkan peruntukan RM100,000 bagi meneruskan pemberian Geran Rumah Perlindungan Wanita bertujuan membantu melengkapkan ekosistem perlindungan kepada mangsa kes keganasan rumah tangga.

Sementara itu, Amirudin berkata program Pembelajaran Sepanjang Hayat atau Biasiswa WBS kepada wanita terpilih menyambung pelajaran peringkat diploma hingga doktor falsafah dalam pelbagai bidang akan diteruskan.

Katanya biasiswa itu menyasar wanita pelbagai peringkat kepimpinan organisasi dan lapangan dengan 24 penerima fasa pertama dan kedua sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Kebangsaan

Malaysia serta Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau juga memberitahu projek Pengarusperdanaan Gender yang dijalankan WBS akan ditambah baik dan diperluas ke seluruh 12 pihak berkuasa tempatan tahun depan.

Dalam pada itu, Amirudin berkata peruntukan RM1 juta disediakan bagi membangunkan Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor dengan mengambil kira isu multi-dimensi dan golongan sasaran pelbagai.

"Isu dihadapi ialah pekerja sektor penjagaan tidak berbayar yang lazimnya dilakukan wanita selain kerja penjagaan kurang upah sektor perkhidmatan kesihatan, pusat penjagaan dan pendidikan kanak-kanak serta pekerja sosial di pusat penjagaan warga emas dan orang kelainan upaya," katanya.



Jawatankuasa selesai isu hak milik strata

SATU jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menyelesaikan isu hak milik strata bagi pangsapuri yang lama diduduki tetapi belum memilikinya, kata Dato' Menteri Besar.

Memperuntuk RM200,000 bagi menjayakannya, Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia diselaras Lembaga Perumahan dan Hartanah (LPHS) Selangor serta Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).

“Merujuk rekod LPHS, terdapat pangsapuri belum mempunyai hak milik strata walaupun lama didiami. Isu ini akan memberi kesan terhadap pemilik petak untuk membuat

sebarang transaksi atau urus niaga ke atas unit atau petak,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata kadar bayaran fi pejabat kali terakhir dibuat pada 2007 sedang disemak, sesuai situasi semasa bagi meningkatkan hasil negeri sebanyak RM50 juta.

Jelasnya, Selangor mempunyai jumlah hak milik tertinggi dengan anggaran 1.5 juta hak milik tanah dan 800,000 hak milik strata, yang dijangka terus bertambah setiap tahun.

“Selangor mempunyai pasaran nilai hartanah sangat tinggi jika

dibandingkan dengan negeri lain, terutama hak milik strata yang mencatatkan trend pengeluaran sangat tinggi dari tahun ke tahun.

“Kadar fi pejabat yang dikenakan juga lebih rendah berbanding negeri lain. Contohnya, kadar bayaran pindah milik tanah maksimum RM1,500 bagi nilai hartanah melebihi RM1 juta,” katanya.

Amirudin berkata kadar itu amat rendah kerana Selangor mempunyai banyak urusan pindah milik dengan nilai melebihi RM1 juta, malah pernah mencapai RM350 juta.

Lulus bina 245,371 Rumah Selangorku

DASAR Perumahan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) meluluskan pembangunan sebanyak 245,371 unit kediaman sejak 2014.

Dato' Menteri Besar berkata sebanyak 57,185 unit kediaman itu dibangunkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta pemaju perumahan daripada anak syarikat Kerajaan Negeri dan swasta.

“Daripada jumlah tersebut, 35,606 unit telah diserahkan kunci kepada pembeli manakala 21,579 unit dalam proses pembinaan.

“Manakala 188,186 unit lagi masih dalam proses perancangan di pelbagai peringkat memperoleh kelulusan pembangunan oleh jabatan dan agensi teknikal

di peringkat Kerajaan Negeri dan Tempatan,” kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri juga bakal memuktamadkan mekanisme kediaman Kita Selangor dalam masa terdekat meliputi kemudahan dan pembiayaan khusus untuk rakyat negeri ini.

“Dalam Tawaran Kita Selangor oleh Gabungan Perpaduan, kami berjanji akan membina 200,000 kediaman Kita Selangor dalam tempoh lima tahun pentadbiran.

“Insyallah pengumuman lanjut mengenai jenis dan mekanisme kediaman Kita Selangor ini sedang dimuktamadkan dan diumumkan dalam masa terdekat,” katanya.

Sementara itu, Amirudin

memaklumkan Kerajaan Negeri memperuntuk RM220 juta bagi pembelian Skim Smart Sewa pada tahun hadapan dengan sasaran sebanyak 810 unit.

“Menerusi Belanjawan Selangor tahun lalu, Kerajaan Negeri bersetuju dengan perbelanjaan menggunakan peruntukan sebanyak RM115 juta bagi pembelian 500 unit tambahan dan mensasarkan sebanyak 3,000 unit Skim Smart Sewa hingga 2025.

“Sehingga kini status pembelian unit Skim Smart Sewa yang diluluskan dan untuk ditawarkan kepada orang awam bagi tujuan penyewaan sehingga tahun ini sebanyak 1,340 unit yang mana 707 unit telah disewakan,” katanya.

Pengecualian duti hiburan bantu artis

KERAJAAN Selangor meneruskan dasar pengecualian duti hiburan tahun depan bagi membantu artis tempatan dan merancakkan industri pelancongan.

Dato' Menteri Besar berkata ia selaras Belanjawan Persekutuan 2024 dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengiktiraf langkah berkenaan.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pengecualian penuh diberi untuk pertunjukan pentas bertiket bagi artis tempatan bermula 2022.

“Kedua, meneruskan pengurangan kadar Duti Hiburan daripada 25 peratus kepada 10 peratus aktiviti pertunjukan pentas bertiket bagi artis antarabangsa.

“Ketiga, menetapkan kadar Duti Hiburan lapan peratus aktiviti pertunjukan pentas bertiket melibatkan campuran artis dari negara antarabangsa serta tempatan,” katanya.

Pengecualian penuh Duti Hiburan turut melibatkan persembahan muzik dan pentas tidak bertiket.

Pulih 101 projek terbengkalai

SEBANYAK 101 projek melibatkan 39,476 unit rumah diselesaikan sejak 2007 menerusi Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor komited mengatasi masalah projek terbengkalai.

“Sehingga kini, 178 projek terbengkalai melibatkan 36,342 pembeli telah direkodkan dan sejak 2007, Kerajaan Negeri menyelesaikan 101 projek rumah melibatkan 39,476 unit rumah.

“Sebanyak RM18 juta diperuntuk ke dalam Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai Selangor bagi merancakkan usaha pemulihan projek terbengkalai,” katanya.

Beliau berkata lebih banyak projek dipulihkan antaranya pembesaran Kampung Koskan di Hulu Selangor dan Desa Mawar di Kuala Selangor.

Tambahnya, RM11.4 juta dibelanjakan bagi membaik pulih infrastruktur kedua-dua kawasan itu demi kemudahan penduduk.

Katanya, negeri dengan kerjasama Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan bagi memulihkan tiga projek bernilai RM7.25 juta di Taman Meru Makmur dan Pangsapuri Impian Meru, Klang.

MENGANGKAT KESATUAN UMMAH

Perluas akademi literasi al-Quran

PROGRAM Pengajian Bersijil Akademi Literasi al-Quran Selangor diperluas secara berperingkat ke daerah-daerah bermula di Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sepang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Negeri juga memperuntuk RM1 juta bagi pelaksanaan peringkat kedua di Gombak dan Sabak Bernam.

"Untuk memperluaskan program ini ke daerah-daerah, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukan sejumlah RM1 juta bagi pelaksanaan peringkat kedua (satu daerah satu masjid) di daerah Gombak dan Sabak Bernam termasuk memperkasa program sedia ada di masjid negeri bagi daerah Petaling.

"Peruntukan ini bagi menampung kos melantik tenaga pengajar, cetakan bahan pengajaran dan pembelajaran serta kos fasiliti. Inisiatif ini dijangka memanfaatkan rakyat di kawasan luar bandar Selangor untuk menyertai program pengajian al-Quran ini," katanya.

RM500,000 perkasa institusi fatwa

SEBANYAK RM500,000 diperuntuk bagi mengukuh dan memperkasa institusi fatwa di Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Jabatan Mufti berperanan penting sebagai salah satu tonggak institusi pentadbiran Islam di negeri ini seiring dengan perubahan zaman yang serba mencabar.

"Di samping tugas utamanya mengeluarkan fatwa, memberikan khidmat nasihat, menghasilkan garis panduan dan penerbitan, Jabatan Mufti juga bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan kajian sejajar dengan perubahan zaman yang serba mencabar ini," katanya.

Selain itu, Jabatan Mufti juga berfungsi memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam hal berkaitan akidah, syariah dan akhlak.

RM5 juta bangunkan asrama siswa di Mesir

SELANGOR mengumumkan penubuhan Tabung Amanah Pembangunan dan Pengurusan Pelajar Timur Tengah bagi membangunkan asrama mahasiswa di Mesir.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak RM5 juta disuntik sebagai permulaan untuk tabung berkenaan bagi membeli Rumah Selangor Kedua bagi tujuan itu.

"Kerajaan Negeri akan memulakan suntikan dana sebanyak RM5 juta yang akan diperuntuk ke dalam tabung amanah ini bagi tujuan wakaf sebagai dana

permulaan.

"Usaha membudayakan wakaf ini akan diteruskan dan fokus akan ditambah dengan usaha-usaha mengembangkan harta wakaf," katanya.


Tambahnya, negeri bersama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Perbadanan Wakaf Selangor dan Lembaga Zakat Selangor

juga terus berusaha meningkatkan pelaburan wakaf dalam pembangunan aset. Menurut Amirudin, usaha itu bagi menjunjung titah Duli Yang

Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj agar pengurusan wakaf diperkasakan di negeri berkenaan.

Sementara itu, sebanyak RM200,000 disalur untuk membaik pulih bangunan Asrama Selangor di Mesir yang digunakan sejak 1992 demi kebajikan 156 pelajar yang menginap di situ.

Dalam lawatan kerja ke Mesir bulan lalu, Amirudin berkata Kerajaan Negeri bersama Jais dan agensi lain meneliti syor bagi membangunkan asrama siswa Selangor yang menyambung pengajian di sana.



**TABUNG AMANAH
PEMBANGUNAN DAN
PENGURUSAN PELAJAR
TIMUR TENGAH**



**PEMBAIKAN ASRAMA
PELAJAR SELANGOR
DI MESIR**



Lulus naik taraf 20 masjid pengurusan

KERAJAAN Negeri meluluskan cadangan naik taraf 20 buah masjid kariah sebagai masjid pengurusan dengan melibatkan implikasi kewangan tahunan berjumlah RM2 juta bagi tahun 2024.

Dato' Menteri Besar berkata langkah ini sebagai tanda sokongan

terhadap usaha Majlis Agama Islam Selangor (Mais) untuk meningkatkan kecekapan dan pengurusan masjid di Selangor selaras hasrat dan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.


"Usaha yang baik ini telah disusuli dan disokong oleh Kerajaan Negeri pada 2019 yang bersetuju untuk menaik taraf 10 buah masjid kariah yang lain untuk dijadikan masjid pengurusan.

"Ini menjadikan sehingga Oktober


2023 terdapat 47 masjid pengurusan di Negeri Selangor," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Masjid Pengurusan adalah satu kaedah pentadbiran dan pengurusan masjid yang diwujudkan di bawah Subseksyen 104(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.

Melalui kaedah ini masjid akan dikendalikan oleh seorang pengurus dari Gred S41, penolong pengurus Gred S29 dan dua orang pembantu pengurus dari Gred S19.



**PROGRAM
PENGURUSAN MASJID**



PEMBINAAN KOMPLEKS ISLAM DI GOMBAK PERMAI

RM25 juta bina kompleks Islam

SEBUAH kompleks Islam akan dibina di Gombak Permai bagi memastikan keselesaan beribadat selain menyediakan pendidikan Islam lebih baik kepada penduduk setempat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembinaan kompleks membabitkan peruntukan RM25 juta merangkumi masjid, kuarters imam dan bilal serta dua blok sekolah rendah agama.

"Pembinaan kompleks ini juga akan memberi manfaat dan keselesaan beribadat serta pendidikan agama Islam yang lebih baik kepada penduduk setempat," katanya.

Beliau juga berharap pembinaan kompleks oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad akan menjadi salah satu mercu tanda di daerah berkenaan.

RM5 juta teruskan yuran Kafa-i

SUBSIDI yuran Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (Kafa-i) diteruskan tahun depan bagi meringankan beban ibu bapa dan melancarkan pembelajaran murid-murid.

Dato' Menteri Besar berkata, peruntukan RM5 juta secara sekali bayar (one-off) menampung pembayaran utiliti termasuk sewaan premis, baik pulih bangunan, penyelenggaraan, kemudahan internet dan elaun guru rakyat.

"Usaha ini diharap menjadi suntikan dan galakan kepada masyarakat agar terus menyediakan pendidikan agama Islam untuk anak-anak berusia tujuh hingga 12 tahun di Selangor khususnya," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Dalam Belanjawan 2022 dan 2023, Kerajaan Negeri memberi subsidi yuran Kafa-i berjumlah RM30 sebulan menerusi peruntukan RM5 juta.

Ia diagih kepada 296 institusi Kafa-i seluruh Selangor pada 2022 dan pertengahan 2023 sekali gus menyelesaikan tunggakan yuran bulanan 22,226 murid keluarga berpendapatan rendah.



BANTUAN SUBSIDI YURAN KAFI

Anjur Festival Turath ke seluruh daerah

FESTIVAL Turath Islami yang julung kali diadakan pada Mei bakal dikembangkan supaya lebih ramai umat Islam mendapat manfaat.

Menganggap penganjuran program itu sebagai berjaya, Dato' Menteri Besar mengumumkan dana RM2 juta bagi meneruskan hasrat tersebut.

"Satu sekretariat tetap akan ditubuhkan bagi menganjurkan Festival Turath Islami pada tahun depan dan juga meluaskan program turath ke seluruh daerah di negeri ini," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau bersyukur kerana festival itu disertai beberapa ulama terkemuka dunia bersama membincangkan karya ulung Imam

al-Ghazali bertajuk Ihya' Ulumuddin.

Mereka adalah bekas mufti agung Mesir Sheikh Dr 'Ali Jum'ah, Pengetua Darul Musthafa Tarim Yaman, Habib Umar Hafidz dan pemimpin Nahdlatul Ulama, Indonesia Dr Said Aqil Sirodj.

Festival Turath Islami Selangor diadakan antara 20 hingga 25 Mei bersempena penterjemahan 10 jilid Ihya' Ulumuddin kepada bahasa Melayu.

Usaha penerbitan oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) yang mendapat geran Kerajaan Negeri dijangka memakan masa tiga tahun.

Festival dianjurkan Kerajaan Selangor bersama beberapa agensi negeri

seperti Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan IBDE.

Berlangsung seminggu, festival itu menentang lapan acara utama merangkumi segmen bersama orang awam, pemimpin, ahli akademik, agamawan serta mahasiswa.

Sebelum itu, dua majlis prapelanaran diadakan dengan ulama Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni menghurai kitab Ihya' Ulumuddin di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar pada 1 Mei.

Pada 18 Mei pula, Dr Ali Jumaah membaca dua kitab tauhid al-Tariq Ilallah dan al-Kharidah al-Bahiyah di PPAS.

Tambah dana insentif haji kepada RM3 juta

PERUNTUKAN Insentif Haji Muassasah Selangor dinaikkan daripada RM1.5 juta kepada RM3 juta pada 2024.

Dato' Menteri Besar berkata ia sejajar matlamat dalam Tawaran Kita Selangor yang mahu meluaskan bantuan wang saku sebagai subsidi ibadah haji.

"Saban tahun, Kerajaan Negeri menerima sambutan yang amat menggalakkan berkenaan Insentif Haji Muassasah Selangor.

"Tahun lalu, jemaah haji muassasah diberi wang tunai RM500 bagi membantu mereka melaksana ibadah haji di Baitullah (Makkah)," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Bantuan berkenaan dilaksanakan dengan usahasama Lembaga Tabung Haji.

Tahun ini, Selangor menyalur bantuan sedemikian kepada 3,000 jemaah haji melibatkan peruntukan berjumlah RM1.653 juta.

Program kendalian Menteri Besar

Selangor (Pemerbadanan) turut mengagih kit syifa seperti ubat-ubatan, cecair pembasmian kuman, losyen dan pelembap bibir.

Selangor satu-satunya negeri yang melaksanakan program bantuan berkenaan kepada jemaah haji atas keprihatinan pentadbiran kepada penduduk beragama Islam sejak 2017.

Sementara itu, Kerajaan Selangor turut memperuntuk RM700,000 bagi membaik pulih tandas 14 masjid di lokasi jalan utama negeri ini.



EDISI KHAS BELANJAWAN 2024

selangorkini



RM59.7 juta
laksana program
kesihatan



MUKA 11

Jenama semula
Unisel

MUKA 10

RM2 juta teruskan
Festival Turath
Islami




MUKA 15

Bangunkan Hutan
Warisan Diraja

MUKA 10

Misi juara
bola sepak
Merah Kuning



MUKA 5

RM25 juta bina
kompleks Islam

MUKA15

Sedia RM3.3 juta
bangunkan
usahawan wanita



MUKA 5

RM16.48 teruskan
Jom Shopping

MUKA 12

Perkenal Gagasan
Rumpun Selangor
pupuk perpaduan



MUKA 12

RM145 juta
bina jalan raya

MUKA 6